

04 MAY 1998

TUN GHAFAR TAWAR KHIDMAT TERANGKAN ISU KEGAWATAN EKONOMI

KUALA LUMPUR, 4 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata bekas Timbalan Perdana Menteri Tun Ghafar Baba telah menawarkan diri untuk memberi penerangan mengenai kegawatan ekonomi yang dihadapi oleh negara sekarang.

Sehubungan itu, Dr Mahathir yang juga Presiden UMNO meminta semua pihak tidak menyalah tafsir pembabitan Ghafar sebagai petanda beliau akan kembali aktif dalam politik.

"Jangan pula tafsir dia kembali kerana itu adalah sumbangan ikhlas Tun Ghafar," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di sini malam ini.

Ketika ditanya kepada siapakah Tun Ghafar akan memberi penerangan itu, beliau berkata: "Kepada anggota Umno dan sesiapa sahaja tetapi kita akan menguruskan perjumpaan-perjumpaan itu."

Dr Mahathir berkata mesyuarat malam ini turut membincangkan masalah kejatuhan nilai mata wang dan saham serta cara-cara kerajaan akan mengatasinya.

Beliau juga akan mengadakan perjumpaan dengan editor akhbar-akhbar tempatan esok bagi memberi penerangan mengenai tindakan yang akan diambil kerajaan berhubung masalah ekonomi negara.

-- BERNAMA

RZS FAZ